

---

## Keberkesanan Program Pembelajaran Berasaskan Kerja (Work-Based Learning - WBL) Dalam Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Nor Hazlin Binti Md Gharip<sup>1</sup>, Norliana Binti Sarpin<sup>2</sup>, Alimi Bin Yasinan<sup>3</sup>, Ainul Haezah Binti Noruzaman<sup>4</sup>,  
Jamilah Binti Abbas<sup>5</sup>

<sup>1,5</sup>Politeknik Sultan Azlan Shah

<sup>2</sup>Universiti Tun Hussien Onn

<sup>3,4</sup>Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

---

**Abstract:** Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan Program Pembelajaran Berasaskan Kerja (Work-Based Learning - WBL) di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui pembangunan kemahiran teknikal dan insaniah. Menggunakan pendekatan kuantitatif, soal selidik skala Likert 5-mata telah diedarkan kepada 63 responden graduan yang pernah menyertai program ini. Data dianalisis secara deskriptif untuk melihat taburan min dan analisis korelasi bagi menentukan hubungan antara pemboleh ubah kajian. Dapatan menunjukkan keberkesanan program secara keseluruhan adalah sangat tinggi dengan skor min melebihi 4.00 bagi setiap aspek. Pembangunan kemahiran insaniah mencatatkan skor tertinggi (min=4.55), diikuti oleh kualiti penyeliaan (min=4.48), pembangunan kemahiran teknikal (min=4.45), dan persekitaran pembelajaran (min=4.45). Walau bagaimanapun, aspek penggunaan perisian industri (min=4.25) dan kesesuaian pekerjaan dengan bidang pengajian (min=4.14) mencatatkan skor yang lebih rendah, menunjukkan wujudnya jurang dalam aplikasi teknologi terkini serta pepadanan kerjaya. Hasil kajian membuktikan WBL memberi impak positif yang signifikan terhadap kesediaan kerja dan keyakinan graduan dalam melaksanakan tanggungjawab profesional. Kajian ini mencadangkan penstrukturan semula beban kerja akademik agar pelajar dapat fokus sepenuhnya kepada industri, penetapan elaun sara hidup yang munasabah, serta pemantauan sistematik bagi memastikan kualiti bimbingan yang konsisten. Implikasi kajian ini dapat membantu pihak pengurusan politeknik dan rakan industri memperkukuhkan kolaborasi bagi menghasilkan graduan yang kompeten serta memenuhi standard pasaran kerja semasa.

---

**Key words:** *Work-Based Learning (WBL), Kebolehpasaran Graduan, Kemahiran Teknikal, Kemahiran Insaniah, Politeknik*

---

### 1.0 Pengenalan

Program WBL merupakan pendekatan pembelajaran yang mengintegrasikan teori dan praktikal dalam persekitaran kerja sebenar. Ia bertujuan melahirkan graduan yang kompeten dan bersedia untuk pasaran kerja. Di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, program ini telah dilaksanakan bagi memastikan graduan memperoleh pengalaman industri yang relevan.

### 1.1 Objektif Kajian

- i. Menilai keberkesanan WBL dalam membangunkan kemahiran teknikal dan insaniah graduan.
- ii. Menganalisis hubungan antara kualiti penyeliaan dan kebolehpasaran graduan.
- iii. Mengenal pasti faktor-faktor kritikal yang mempengaruhi keberkesanan WBL.
- iv. Mengemukakan cadangan untuk penambahbaikan program WBL.

## 1.2 Persoalan Kajian

- i. Sejauh manakah WBL membantu meningkatkan kemahiran graduan?
- ii. Apakah hubungan antara kualiti penyeliaan dan kebolehpasaran graduan?
- iii. Apakah cabaran utama dalam pelaksanaan WBL?
- iv. Bagaimanakah penambahbaikan bagi program WBL dapat dilaksanakan?

## 1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk memberi input kepada pihak pengurusan politeknik untuk memperbaiki struktur WBL, memastikan graduan lebih bersedia menghadapi pasaran kerja, dan menyokong kerjasama yang lebih baik antara politeknik dan industri.

## 2.0 Tinjauan Literatur

Pembelajaran Berasaskan Kerja (Work-Based Learning, WBL) telah mengalami transformasi ketara dalam era pasca-pandemik, berkembang daripada model latihan industri tradisional kepada pendekatan pembelajaran bersepadu yang lebih fleksibel dan dinamik. Kajian oleh Dean dan Campbell (2020) menunjukkan bahawa bentuk alternatif WBL kini melangkaui ruang kerja fizikal kepada mod dalam talian dan hibrid, manakala Amish (2024) menegaskan bahawa kolaborasi antara industri dan institusi pendidikan telah meningkatkan nilai teknikal serta ekonomi organisasi. Walau bagaimanapun, tahap integrasi industri masih tidak konsisten. Naqvi (2024) mendapati organisasi kurang cenderung menawarkan pekerjaan kepada pelajar yang mengikuti WBL secara dalam talian, manakala Curto-Reverte et al. (2025) menekankan keperluan perjanjian pembelajaran berstruktur dan kurikulum fleksibel bagi memperkukuh kerjasama industri. Ini menunjukkan bahawa walaupun WBL semakin meluas, pelaksanaannya masih memerlukan penambahbaikan dari segi kesepaduan antara akademik dan industri.

Dari segi pembangunan kemahiran, pelbagai kajian mengesahkan bahawa WBL merupakan pendekatan yang berkesan dalam meningkatkan kompetensi teknikal dan insaniah graduan. Tinjauan sistematik oleh Curto-Reverte et al. (2025) mendapati bahawa WBL dan WIL menyumbang kepada peningkatan kebolehpasaran melalui penguasaan kemahiran teknikal dan generik. Amish (2024) turut melaporkan bahawa WBL membantu pelajar memperoleh pengalaman praktikal sebenar serta membangunkan kemahiran 4C seperti komunikasi, kolaborasi, kreativiti, dan pemikiran kritis. Selari dengan itu, Thapa (2024) menunjukkan bahawa pelajar dalam pendidikan vokasional memperoleh pelbagai kemahiran termasuk penyelesaian masalah, kepimpinan, dan keusahawanan. Dapatan ini disokong oleh

kajian terdahulu oleh Komariah (2015) dan Musset (2019) yang menegaskan bahawa tempat kerja merupakan persekitaran pembelajaran yang efektif untuk pembangunan kemahiran teknikal dan insaniah secara serentak. Secara keseluruhannya, WBL bukan sahaja meningkatkan kecekapan kerja tetapi juga membentuk identiti profesional graduan.

Walau bagaimanapun, kebolehpasaran graduan tidak hanya bergantung kepada pengalaman WBL semata-mata, tetapi turut dipengaruhi oleh faktor berkaitan program seperti kualiti kurikulum dan sokongan akademik. Ridzwan Che Rus et al. (2023) mengenal pasti kurikulum sebagai penentu utama kebolehpasaran graduan TVET dan mencadangkan penambahbaikan berkala bagi memastikan kesesuaian dengan keperluan industri. Thetsane dan Mokhethi (2020) turut menegaskan kepentingan persekitaran pembelajaran yang kondusif serta kurikulum yang relevan dalam meningkatkan kebolehpasaran. Selain itu, Mazerolle et al. (2012) menunjukkan bahawa sokongan fakulti dan instruktur memainkan peranan penting dalam kejayaan kerjaya pelajar. Namun, kajian sedia ada kurang memberi perhatian terhadap peranan kemudahan fizikal dan penyeliaan profesional sebagai faktor berasingan dalam menentukan kebolehpasaran graduan. Jurang ini menunjukkan keperluan kajian lanjut untuk menilai secara lebih menyeluruh faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan WBL, khususnya dalam konteks politeknik.

### **3.0 Metodologi**

#### **3.1 Rekabentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan soal selidik sebagai instrumen utama.

#### **3.2 Instrumen Kajian**

Soal selidik dengan skala Likert 5 mata digunakan sebagai instrumen kajian. Soal selidik ini terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu Demografi, Pengalaman Kerja, Kemahiran, Hasil Pembelajaran, Kebolehpasaran, dan Cadangan.

#### **3.3 Kaedah Persampelan**

Seramai 63 responden graduan yang menyertai WBL di politeknik telah dipilih sebagai sampel kajian.

### 3.4 Kaedah Analisis Data

Statistik deskriptif iaitu purata dan peratusan digunakan untuk menentukan hubungan antara penyeliaan dan kebolehpasaran.

## 4.0 Analisis Data dan Dapatan Kajian


### 4.1 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif digunakan untuk memberikan gambaran awal tentang data yang diperoleh daripada soal selidik. Statistik yang digunakan dalam analisis ini termasuk kekerapan, purata, dan peratusan, yang bertujuan untuk menggambarkan ciri-ciri utama data secara ringkas dan bermakna.

#### 4.1.1 Bahagian A: Demografi

Bahagian ini bertujuan untuk memahami latar belakang demografi responden. Data menunjukkan taburan responden berdasarkan umur, jantina, status pekerjaan, dan bidang pengajian mereka.


Jantina: Majoriti responden adalah Perempuan (52.4%) manakala Lelaki mencatatkan 47.6%.




Rajah 1: Taburan Jantina Responden

Bidang Pengajian:

#### Rajah 2: Taburan Bidang Pengajian



Status Pekerjaan: Kebanyakan responden telah bekerja tetap (60%), sementara sebahagian lagi masih mencari pekerjaan atau melanjutkan pengajian.



Rajah 3: Status Pekerjaan Responden

#### 4.1.2 Bahagian B: Pengalaman Kerja

Bahagian B dalam kajian ini memberi tumpuan kepada tiga aspek utama pengalaman kerja pelajar semasa menjalani program WBL: Program, Penyeliaan, dan Pembelajaran.

##### Bahagian B: Pengalaman Kerja (Program)

Analisis terhadap komponen program menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan kebanyakan aspek mencatatkan skor melebihi 4.35.

Jadual 1: Analisis Pengalaman Kerja (Program)

Item	Min
Program WBL menyediakan peluang pembelajaran yang relevan dengan industri	4.60
Tugasan yang diberikan semasa WBL mencabar kemahiran teknikal dan insaniah	4.52
Saya diberi peluang untuk mengaplikasikan teori yang dipelajari	4.49
Struktur program WBL adalah teratur dan tersusun	4.35
Objektif pembelajaran program WBL jelas dinyatakan	4.49
Program ini memberikan pendedahan yang mencukupi kepada amalan industri	4.56
Beban kerja semasa WBL adalah sesuai	4.11
Program ini membangunkan kemahiran profesional saya	4.57
Aktiviti pembelajaran adalah relevan dengan keperluan industri	4.51
Penilaian program adalah adil dan telus	4.41

##### Bahagian B: Pengalaman Kerja (Penyeliaan)

Aspek penyeliaan menunjukkan prestasi yang konsisten dengan skor purata yang tinggi. Pelajar menerima bimbingan yang mencukupi untuk menyelesaikan tugas (4.56) dan maklum balas yang konstruktif daripada penyelia industri (4.51).

Jadual 2: Analisis Pengalaman Kerja (Penyeliaan)

Item	Min
Penyelia industri memberi maklum balas yang konstruktif	4.51
Saya menerima bimbingan yang mencukupi untuk menyelesaikan tugas	4.56
Penyelia sentiasa tersedia apabila diperlukan	4.49
Maklum balas diberikan secara berkala	4.46

---

Penyelia membantu menghubungkan teori dengan praktis	4.43
Penyelia menggalakkan pemikiran kritis	4.46
Penyelia memahami keperluan pembelajaran saya	4.46

---

### **Bahagian B: Pengalaman Kerja (Pembelajaran)**

Dalam aspek persekitaran pembelajaran, keselamatan dan kesihatan di tempat kerja serta pembelajaran aktif mencatatkan skor tertinggi (4.52). Peluang berinteraksi dengan profesional industri juga mendapat skor yang tinggi (4.51).

**Jadual 3: Analisis Pengalaman Kerja (Pembelajaran)**

---

<b>Item</b>	<b>Min</b>
Persekitaran kerja menggalakkan pembelajaran aktif	4.52
Saya mempunyai akses kepada sumber dan peralatan yang diperlukan	4.35
Budaya organisasi menyokong perkembangan profesional pelajar	4.46
Suasana kerja kondusif untuk pembelajaran	4.44
Terdapat peluang untuk berinteraksi dengan profesional industri	4.51
Keselamatan dan kesihatan di tempat kerja terjamin	4.52
Kemudahan fizikal mencukupi untuk pembelajaran	4.34

---

Secara keseluruhan, Bahagian B menunjukkan program WBL telah dilaksanakan dengan berkesan dengan purata skor melebihi 4.00 untuk semua aspek. Walau bagaimanapun, beberapa penambahbaikan boleh dilakukan untuk meningkatkan lagi keberkesanan program.

Untuk memastikan peningkatan berterusan, pemantauan dan penilaian berkala perlu dilaksanakan terhadap semua aspek program WBL. Maklum balas daripada pelajar dan industri perlu diambil kira dalam proses penambahbaikan program.

#### **4.1.3 Bahagian C: Pembangunan Kemahiran**

Bahagian C dalam kajian ini memberi tumpuan kepada dua komponen utama pembangunan kemahiran iaitu Kemahiran Teknikal dan Kemahiran Insaniah.

#### **Bahagian C: Pembangunan Kemahiran (Kemahiran Teknikal)**

Analisis terhadap pembangunan kemahiran teknikal menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan, dengan aspek keselamatan mencatatkan skor tertinggi. Pelajar menunjukkan pemahaman yang sangat baik dalam aspek keselamatan penggunaan peralatan (4.63) dan keupayaan menjalankan tugas teknikal dengan minimal penyeliaan (4.52).

Dari segi prosedur operasi, pelajar menunjukkan pemahaman yang baik terhadap prosedur operasi standard dalam industri (4.49). Walau bagaimanapun, kemahiran menggunakan perisian berkaitan industri mencatatkan skor yang paling rendah (4.25), menunjukkan keperluan untuk meningkatkan pendedahan kepada perisian-perisian industri.

**Jadual 4: Pembangunan Kemahiran Teknikal**

Item	Min
Saya dapat menggunakan peralatan industri terkini dengan cekap	4.40
Saya boleh menyelesaikan masalah teknikal secara sistematik	4.41
Saya memahami prosedur operasi standard dalam industri	4.49
Saya mahir menggunakan perisian berkaitan industri	4.25
Saya dapat menjalankan tugas teknikal dengan minimal penyeliaan	4.52
Saya memahami aspek keselamatan dalam penggunaan peralatan	4.63

### **Bahagian C: Pembangunan Kemahiran (Kemahiran Insaniah)**

Dalam aspek kemahiran insaniah, program WBL telah berjaya membangunkan pelbagai kemahiran penting yang diperlukan dalam dunia pekerjaan. Skor tertinggi dicatatkan dalam keupayaan menyesuaikan diri dengan budaya kerja (4.63) dan menunjukkan inisiatif dalam pembelajaran (4.62).

Kemahiran kerja berpasukan (4.57) dan komunikasi berkesan dalam persekitaran profesional (4.56) juga mencatatkan skor yang memberangsangkan. Pengurusan masa yang berkesan (4.52) turut menunjukkan prestasi yang positif.

**Jadual 5: Pembangunan Kemahiran Insaniah**

Item	Min
Saya dapat berkomunikasi dengan berkesan dalam persekitaran profesional	4.56
Saya boleh bekerja secara efektif dalam pasukan	4.57
Saya mengamalkan pengurusan masa yang berkesan	4.52
Saya dapat menyelesaikan konflik dengan profesional	4.40
Saya menunjukkan inisiatif dalam pembelajaran	4.62
Saya dapat menyesuaikan diri dengan budaya kerja	4.63

Berdasarkan analisis keseluruhan Bahagian C, program Work-Based Learning (WBL) telah menunjukkan kejayaan yang memberangsangkan dalam membangunkan kedua-dua aspek kemahiran teknikal dan insaniah secara seimbang.

Dari segi kemahiran teknikal, beberapa aspek utama perlu diberi perhatian. Ini termasuk keperluan untuk meningkatkan latihan dalam penggunaan perisian industri terkini dan memperbanyak latihan praktikal yang melibatkan penyelesaian masalah teknikal secara sistematik. Dalam konteks kemahiran insaniah pula, penambahbaikan boleh dilakukan melalui beberapa inisiatif. Antaranya ialah memperkenalkan modul khusus untuk pengurusan konflik dan memperkasa latihan komunikasi dalam persekitaran profesional.

#### **4.1.4 Bahagian D: Hasil Pembelajaran**

Bahagian D dalam kajian ini memberi tumpuan kepada dua komponen utama iaitu Objektif Pembelajaran dan Program.

### Bahagian D: Hasil Pembelajaran (Objektif Pembelajaran)

Analisis terhadap pencapaian objektif pembelajaran menunjukkan hasil yang sangat positif dengan kebanyakan aspek mencatatkan skor melebihi 4.40. Pemerolehan perspektif baharu dalam bidang pengajian mencatatkan skor tertinggi (4.62).

Dari segi pemahaman ekspektasi industri, pelajar menunjukkan pencapaian yang baik (4.52), membuktikan program ini berjaya merapatkan jurang antara pembelajaran akademik dan keperluan industri.

**Jadual 6: Hasil Pembelajaran (Objektif Pembelajaran)**

Item	Min
Saya mencapai semua hasil pembelajaran yang ditetapkan	4.43
Pengalaman WBL meningkatkan kefahaman tentang amalan industri	4.56
Saya dapat mengintegrasikan teori dan praktis	4.40
Program ini membantu memahami ekspektasi industri	4.52
Saya memperoleh perspektif baharu dalam bidang pengajian	4.62

### Bahagian D: Hasil Pembelajaran (Program)

Dalam aspek penilaian program secara keseluruhan, kepuasan terhadap pengalaman program WBL mencatatkan skor tertinggi (4.54). Ini diikuti dengan keberkesanan sistem sokongan sepanjang program (4.51), menunjukkan infrastruktur sokongan yang telah disediakan adalah memadai.

Tiga aspek iaitu bimbingan yang diterima, peluang pembelajaran yang disediakan, dan pemenuhan jangkaan pembelajaran mencatatkan skor yang sama (4.44). Walaupun skor ini masih tinggi, ia menunjukkan ruang untuk penambahbaikan terutamanya dalam mempelbagaikan peluang pembelajaran dan meningkatkan kualiti bimbingan.

**Jadual 7: Hasil Pembelajaran (Program)**

Item	Min
Program WBL memenuhi jangkaan pembelajaran saya	4.44
Kualiti bimbingan yang diterima adalah memuaskan	4.44
Peluang pembelajaran yang disediakan adalah mencukupi	4.44
Sistem sokongan sepanjang program adalah efektif	4.51
Saya berpuas hati dengan pengalaman keseluruhan program WBL	4.54

#### 4.1.5 Bahagian E: Kebolehpasaran

Kajian menunjukkan program WBL memberi impak positif terhadap kebolehpasaran graduan. Dalam aspek kadar pengambilan kerja, skor tertinggi (4.44) dicatatkan bagi item "Program WBL memudahkan proses mendapatkan pekerjaan".

Dari segi kualiti pekerjaan, graduan melaporkan tahap keyakinan yang tinggi (4.41) dalam melaksanakan tanggungjawab kerja dan menghadapi cabaran. Namun, aplikasi

pengetahuan WBL dalam pekerjaan mencatatkan skor yang lebih rendah (4.19), menunjukkan jurang antara pembelajaran dan aplikasi sebenar.

**Jadual 8: Kebolehpasaran (Kadar Pengambilan Kerja)**

Item	Min
Saya menerima tawaran pekerjaan dalam tempoh 6 bulan	4.29
Pekerjaan saya berkaitan dengan bidang pengajian	4.14
Majikan menghargai pengalaman WBL saya	4.22
Saya mendapat jawatan yang setara dengan kelayakan	4.00
Program WBL memudahkan proses mendapatkan pekerjaan	4.44

**Jadual 9: Kebolehpasaran (Pekerjaan)**

Item	Min
Kemahiran yang dipelajari relevan dengan tugas semasa	4.27
Saya dapat mengaplikasi pengetahuan WBL dalam pekerjaan	4.19
Pengalaman WBL membantu prestasi kerja saya	4.30
Saya berasa yakin melaksanakan tanggungjawab kerja	4.41
Latihan WBL menyediakan saya untuk cabaran kerja	4.41

## 5.0 Perbincangan dan Kesimpulan

### 5.1 Cadangan dan Maklum Balas

Berdasarkan maklum balas yang diterima, berikut adalah rumusan dari cadangan-cadangan dari responden untuk penambahbaikan program Work-Based Learning (WBL).

#### 5.1.1 Penstrukturan Program dan Beban Tugas

Program WBL telah terbukti berkesan dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan dan memberikan pendedahan kepada alam pekerjaan sebenar. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk menstruktur semula beban tugas akademik yang bertindih, terutamanya yang berkaitan dengan projek tahun akhir. Ini bertujuan membolehkan pelajar memberi tumpuan sepenuhnya kepada pembelajaran di tempat kerja.

#### 5.1.2 Sokongan Infrastruktur dan Kewangan

Aspek sokongan infrastruktur dan kewangan merupakan komponen penting yang perlu ditambah baik. Responden mencadangkan penetapan elaun minimum sebanyak RM600 ke atas untuk membantu pelajar menampung kos sara hidup, terutamanya bagi mereka yang ditempatkan di kawasan bandar dengan kos sara hidup yang tinggi.

#### 5.1.3 Pemantauan dan Kolaborasi Industri

Sistem pemantauan yang lebih sistematik perlu dibangunkan untuk mengawasi kemajuan pelajar dan menilai keberkesanan program. Responden juga menekankan kepentingan untuk

meningkatkan kolaborasi dengan industri bagi memastikan kesesuaian bidang penempatan dengan program pengajian pelajar.

## 5.2 Kesimpulan

Program WBL telah terbukti berkesan dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Kejayaan program ini dapat dilihat melalui pembangunan kemahiran teknikal dan insaniah yang memberangsangkan, kualiti penyeliaan yang tinggi, serta impak positif terhadap peluang pekerjaan graduan.

Kajian ini telah menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang keberkesanan WBL dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Cadangan-cadangan yang dikemukakan diharap dapat membantu pihak pengurusan politeknik dan industri untuk terus memperkukuh program WBL bagi melahirkan graduan yang kompeten dan berdaya saing.

Kesimpulannya, walaupun program WBL telah menunjukkan impak positif terhadap kebolehpasaran graduan, penambahbaikan berterusan dalam aspek-aspek yang telah dikenal pasti adalah penting untuk memastikan program ini terus relevan dan berkesan dalam memenuhi keperluan industri semasa dan masa hadapan.

## RUJUKAN

- Amish, M. (2024). Work-based learning framework and industry collaboration in higher education. *Journal of Vocational Education and Training*, 76(2), 210–225.
- Curto-Reverte, A., Naqvi, J., & Dean, B. (2025). Work-integrated learning and employability: A systematic review of recent evidence. *Education + Training*, 67(1), 45–62.
- Dean, B., & Campbell, M. (2020). Alternative forms of work-integrated learning in higher education. *Higher Education Research & Development*, 39(5), 1023–1037.
- Komariah, K. (2015). Work-based learning in vocational education: Impacts on student employability. *Journal of Technical Education and Training*, 7(2), 55–63.
- Mazerolle, S. M., Gavin, K. E., Pitney, W. A., Casa, D. J., & Burton, L. J. (2012). Undergraduate athletic training students' persistence in professional programs. *Journal of Athletic Training*, 47(6), 665–672.
- Musset, P. (2019). Work-based learning and youth employability. OECD Education Working Papers, No. 199. OECD Publishing.
- Naqvi, J. (2024). Online work-integrated learning and graduate employability outcomes. *Journal of Education and Work*, 37(3), 300–315.
- Ridzwan Che Rus, R., Ahmad, A., & Hasan, N. (2023). Curriculum relevance and employability of TVET graduates in Malaysia. *Malaysian Journal of Technical and Vocational Education*, 15(1), 25–38.



Thapa, H. (2024). Work-based learning in vocational education: A systematic review of student skill development. *International Journal of Vocational Education and Training Research*, 10(1), 1–12.

Thetsane, R. M., & Mokhehi, M. C. (2020). Employability of graduates in Lesotho: The role of curriculum and learning environment. *Journal of Education and Work*, 33(5–6), 1–14.